

14 JUN 1998

Mahathir-pelabur

JANGAN GUNA KUASA EKONOMI PELABUR PENGARUHI POLITIK NEGARA

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia menyambut baik pelaburan asing tetapi tidak mahu pihak-pihak tertentu menggunakan kuasa ekonomi pelabur luar untuk mempengaruhi politik negara.

"Kita tidak hendak pelabur asing yang datang untuk keuntungan bagi diri mereka sahaja sehingga sanggup memainkan peranan untuk menentukan kepimpinan dan sebagainya," kata Perdana Menteri.

Berucap melancarkan Dana Untuk Malaysia di Dataran Merdeka, beliau berkata sebarang soal mengenai politik negara ini bukan tanggungjawab pelabur asing.

"Datang, buatlah untung tetapi secara halal. Jangan cuba gunakan kuasa ekonomi pelabur untuk mempengaruhi politik dalam negara kita," katanya.

Pelancaran karnival sehari anjuran Pemuda Barisan Nasional itu, dihadiri para pemimpin 14 parti komponen BN. Ia bertemakan "Menjana Sokongan Menangani Kegawatan".

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia mampu untuk menentukan kepimpinan negara mereka.

"Kita tahu bagaimana untuk menguruskan politik negara kita," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia aman dan makmur kerana hasil usaha rakyat negara ini sendiri dan bukan semata-mata kerana pelabur asing.

"Rakyat kita juga boleh menolong membantu negara," kata beliau.

Dr Mahathir berkata rakyat telah menyahut seruan kerajaan serta membebaskan diri mereka daripada tekanan import dan mengeluarkan bahan-bahan makanan tempatan dan tidak membazir dengan membeli di luar negeri dan tidak melancang ke luar negara.

"Kita akan uruskan ekonomi kita, Insyaallah kita akan terus bebas dan kemerdekaan kita tidak akan terjejas," kata beliau.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia sama-sama bertanggungjawab untuk memastikan kedaulatan dan kemerdekaan negara terjamin.

Dr Mahathir berkata kesanggupan rakyat daripada pelbagai kaum untuk menderma "walaupun hanya satu sen" kepada Dana Khas Negara membuktikan bahawa mereka setia dan cintakan negara mereka.

"Dengan sikap ini, kita dapat mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara supaya kita akan terus pulih (daripada kegawatan ekonomi) dan mencapai status negara maju pada tahun 2020," kata beliau.

Beliau berkata apa yang penting ialah bukan jumlah yang didermakan oleh seseorang kepada dana itu tetapi semangat mereka untuk berbakti kepada negara.

"Ini membuktikan mereka benar-benar rakyat Malaysia, dan Malaysia ialah negara mereka dan jika negara menghadapi masalah, merekalah yang akan tampil ke hadapan untuk membantu," kata Perdana Menteri disambut tepukan lebih 3,000 orang yang membanjiri Dataran Merdeka.

Dr Mahathir berkata walaupun berlaku kegawatan ekonomi dan tekanan daripada pihak asing, perpaduan di kalangan rakyat Malaysia tidak terjejas malah ia semakin kukuh.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia tidak akan gentar dengan pihak-pihak yang cuba memecah belahkan perpaduan malah, mereka akan bersatu dan berusaha mengelak sebarang tindakan yang akan menimbulkan huru hara atau rusuhan.

"Sebab itu perasaan irihati di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini dapat dihapuskan," kata beliau sambil mengingatkan rakyat

mengenai rusuhan kaum dan agama di negara-negara seperti bekas Yugoslavia dan Ireland Utara.

Beliau berkata huru hara atau rusuhan hanya akan membinasakan hak milik pihak-pihak yang melakukan rusuhan itu selain harta benda awam dan orang lain.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia mesti berwaspada terhadap pihak-pihak tertentu yang cuba mematahkan semangat dan perpaduan mereka ketika negara sedang menghadapi kegawatan ekonomi.

"Kita sudah merdeka dan kita tidak ingin lagi diperhambakan," kata Dr Mahathir.

Pada majlis itu, beliau menerima derma berjumlah RM3 juta untuk Dana Khas Negara daripada parti-parti komponen BN dan sektor korporat.

-- BERNAMA

TM MAI